

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: PPA UUM COB
Sent: Tuesday, April 24, 2018 4:25 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: HR Community Engagement 3.0: A Step Closer To Asli Pribumi



Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

24 APRIL 2018 / 8 SYAABAN 1439H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TEKEMUKA”
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & salam sejahtera

HR Community Engagement 3.0: A Step Closer To Asli Pribumi



PPA ONLINE: Program Khidmat Masyarakat bersama pelajar masyarakat Asli Pribumi dari SMK Bawong, Sg. Siput, Perak telah diadakan di Universiti Utara Malaysia pada 23 April 2018.

Program anjuran bersama Kelab Pengurusan Sumber Manusia (HRMC), UUM COB, kelas *Training for Trainers (TOT)* dan Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA), UUM COB ini melibatkan 40 orang pelajar tingkatan tiga SMK Bawong, 4 orang guru pengiring dan 34 orang pelajar program Pengurusan Sumber Manusia, UUM.

Program ini turut dibantu oleh sukarelawan UUM yang terdiri daripada pelajar UUM, staf dari PPA UUM COB, staf dari *School of Business Management (SBM)*, UUM, staf dari Inasis Yayasan al-Bukhari, UUM, staf Pusat Sukan serta staf Jabatan Keselamatan, UUM.

Penganjuran program kemasyarakatan ini bukan sahaja mendekatkan warga UUM dengan masyarakat luar malah berjaya memberi kesedaran kepada warga UUM tentang tanggung jawab sosial kepada masyarakat. Program ini bertujuan mendedahkan para pelajar SMK Bawong tentang sistem pendidikan di peringkat universiti khususnya UUM. Selain daripada itu, program ini juga membantu meningkatkan *soft skills* pelajar terutamanya pengucapan awam, kerja berpasukan dan letihan kepimpinan. Ini dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti seperti *Campus tour, Motivational talk, Outdoor activities, Treasure hunt dan Camp fire*.

Selain daripada itu, murid-murid berpeluang menikmati suasana keilmuan apabila memasuki ruang di Perpustakaan Sultanah Bahiyah. Menurut Puan Norain Binti Mohd Saleh, Guru Bimbingan Kaunseling SMK Bawong, program sebegini adalah amat baik dan boleh menyuntik semangat murid-murid untuk meneruskan pembelajaran hingga ke peringkat universiti.

Majlis penutup yang berlangsung di Auditorium CAS, UUM telah disempurnakan oleh Dr Hendrik Lamsali, Dekan, Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM COB. Dr Hendrik. Turut hadir, PM Dr. Siti Zubaidah Othman, Timbalan Dekan, Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM COB, En Mohd Rasul Bin Mohammad Noor, Penasihat HRMC, Cik Shahidah Binti Ismail, Cik Hashimah Binti Mohd Roshdi Dan En. Taufiq Bin Mat Saad selaku guru pengiring.

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
☎ 04-928 6610
☎ 04-928 6606
Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.